

11/04/2004

Menterjemah pandangan mencanai pengalaman

Azran Jaaffar

DALAM memperkatakan mengenai tulisan Tan Sri Abdullah Ahmad dalam bukunya *The Diarist*, bekas Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia yang juga Pengarah Institut Kajian Asia Tenggara, Singapura, K Kesavapany menulis: "Sepanjang enam tahun saya di Kuala Lumpur, tulisan Dollah dalam ruangan *The NST Diary* adalah bacaan penting untuk diplomat dan mereka yang mahu mendalami pemikiran pemerintah."

Pesuruhjaya Tinggi Britain, Bruce Cleghorn pula menyatakan: "Saya menggemari tulisan Tan Sri Abdullah Ahmad (walaupun kadang kala saya tidak bersetuju dengan kesimpulannya). Saya yakin pembaca akan gembira meneroka karektor beliau yang diadun dengan humor dan komen serius terhadap isu besar dan kecil."

Dua komen ini adalah sebahagian daripada beberapa yang dinyatakan terhadap *The Diarist*, kumpulan tulisan Abdullah dalam ruangan *The NST Diary* yang disiarkan dalam akhbar *New Sunday Times* dari 11 Jun 2000 sehingga 29 Disember 2002.

Buku yang diterbitkan awal tahun ini itu, menyatakan pandangan Abdullah terhadap beberapa isu yang berlaku sepanjang minggu di mana tulisan itu disiarkan.

Ringkas dan berupa catatan kecil (walaupun ada masanya agak panjang juga, mungkin terlalu banyak untuk diperkatakan), *The Diarist* adalah jurnal bekas seorang ketua pengarang kumpulan sebuah kumpulan akhbar berpengaruh.

Catatannya bersahaja dan menyentuh pelbagai golongan manusia daripada Dr Mahathir hingga Hang Tuah, dari Bush sehinggalah ke Saddam Hussein, juga dari Marina Mahathir sehinggalah ke Karpal Singh.

Apa yang nyata, *The Diarist* adalah catatan Abdullah mengenai apa yang dilihat, didengar serta yang ditanggap dan ditulisnya dalam bentuk yang ringkas bagi memastikan mesej yang hendak disampaikan kena pada sasarannya.

*The Diarist* adalah respon terhadap isu yang berlaku pada waktu itu, dan Abdullah melontarkan pandangan serta mindanya untuk memberikan kepada pembaca satu sudut pandangan lain.

Sebagai seorang bekas Ahli Parlimen dan juga anggota Majlis Tertinggi Umno, Abdullah mampu menganggap soal politik mengikut kaca mata politik manakala sebagai bekas Duta Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula, beliau mampu melihat sesuatu isu itu melalui pandangan global.

Apa pun, *The Diarist* bukanlah catatan ringkas yang sekadar pandangan semata-mata, tetapi ia penuh dengan makna untuk difikirkan dan dikupas sendiri pembaca bagi melihat sesuatu isu melalui pandangan seorang penulis yang sudah melalui pengalaman yang pelbagai.

Jadi, jika Kesavapany mengatakan *The NST Diary* penting untuk diplomat, maka *The Diarist* boleh dijadikan panduan kepada pembaca untuk melihat pemikiran dan juga tanggapan diplomat.

Selari dengan penerbitan *The Diarist*, Abdullah juga menghasilkan *Pandangan Dari Tudor City, New York* yang mana adalah himpunan tulisan yang disiarkan dalam sebuah akhbar bahasa Melayu tempatan.

Apa yang dikumpulkan dalam buku ini adalah tulisan Abdullah yang dihasilkan antara 8 September 1997 sehingga 30 Ogos 2000 yang mana melalui tulisan-tulisan inilah beliau mengumpul kumpulan pembacanya tersendiri - daripada masyarakat umum sehinggalah kepada menteri, ahli akademik dan

tokoh korporat.

Dipecahkan kepada tujuh bahagian, buku setebal 343 halaman ini memperlihatkan tulisan Abdullah mengikut tema tertentu iaitu; renungan penulis, mengingati tokoh kurun ke-20, isu-isu yang membayangkan Malaysia, cabaran Malaysia di pentas dunia, heboh-heboh di Tudor City, Amerika - kuasa besar terunggul di dunia dan pertembungan tamadun sedunia.

Tulisan yang dihasilkan sewaktu beliau bertugas sebagai Duta Khas Malaysia ke PBB, ia adalah saksi kepada pelbagai peristiwa dan keputusan penting terutama yang membabitkan Malaysia.

Pecahan tema yang dibuat mengungkapkan kedudukan Malaysia yang berupa pandangan juga kritikan Abdullah mengenainya serta isu dunia yang dilihatnya dari Manhattan, New York.

Dalam kritikkannya, Abdullah bersikap jujur namun kejujurannya itu kadang-kadang membuatkan ada pihak yang tidak senang. Sepatah kata Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd, Datuk Khalid Mohd: "Tulisan Tan Sri Abdullah sering membuat saya pening kepala, kerana sementara ada yang suka ada juga yang membencinya. Abdullah kuat menghentam tetapi sedia dihentam."

Dalam melemparkan pandangan serta tanggapannya, bukanlah itu tujuan Abdullah tetapi apa yang diinginkannya adalah berkongsi pengalaman yang mana ini dirasakan dapat memperkayakan minda pembaca.

Bagi Abdullah: "kebenaran memang pahit, tetapi bukankah kebanyakan ubat yang mujarab itu pahit? Katakanlah kebenaran secara adil, diperkukuhkan oleh fakta dan dalil. Tanpa emosi, tanpa kepalsuan."

Yang penting katanya, "kita mesti mempunyai minda yang terbuka, barulah kita dapat mengejar ilmu pengetahuan dan menambah serta meluaskan pengalaman dan mengasah pemikiran."

Apa yang dapat dikatakan, Pandangan Dari Tudor City, New York adalah bacaan untuk mereka yang ingin melihat kebenaran dan kosongkan minda sebelum menelaahnya bagi diisi dengan satu kebenaran yang mungkin pahit.